

Pembangunan Pengkalan Maklumat dan Pemetaan Spesis Digital Biodiversiti Terengganu

*Mohd Shahir Shamsir, Muhammad Al-Hadi Ali Akhbar and Nik Ahmad Firdaus
Kumpulan Penyelidik Bioinformatik,
Jabatan Sains Biologi, Fakulti Biosains dan Biokejuruteraan
Universiti Teknologi Malaysia 81310 Skudai, Johor
E-mel: shahir@fbb.utm.my*

Abstrak

Sebuah pengkalan maklumat dan sistem pemetaan spesis telah dibangunkan untuk membantu penyelidik-penyelidik kepelbagaian biologi di negeri Terengganu. Memandangkan, peta-peta berkaitan kepelbagaian biologi secara lazimnya berbentuk analog, sistem ini juga telah mendigitalkan peta analog untuk memudahkan rujukan para pengkaji seperti maklumat alam sekitar seperti kontor, kecerunan, sistem saliran (sungai, tasik, empangan) dan kawasan hutan. Maklumat – maklumat kadaster dan tematik juga dimuatnaik seperti data terperinci sempadan seperti mukim, daerah, rangkaian jalanraya dan maklumat gunatanah negeri. Maklumat kepelbagaian biologi yang menunjukkan taburan spesis dari sumber arkib juga telah diambil dari Global Biodiversity Information Facility (GBIF) untuk peringkat skala perintis. Pengkalan ini juga mempunyai keupayaan untuk memetakan maklumat spesis yang di jumpai di negeri Terengganu. Pengkalan maklumat ini dibuka kepada semua penyelidik yang berminat secara percuma.